



جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Soalan saya... Contoh seorang perempuan oku telah dirogol hingga melahirkan anak. Anak itu kemudian diserahkan kepada ibu dan bapa angkatnya. Adakah bayi tersebut dikatakan sebagai anak yatim sehingga baligh?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ berserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Menurut takrifan yang telah digariskan oleh syarak; anak zina ialah anak yang dilahirkan samaada disebabkan berlaku hubungan seks secara bebas (tanpa ikat perkahwinan yang sah) atau kerana si ibu telah dirogol oleh lelaki lain. Manakala anak yatim pula maksudnya budak kecil yang belum baligh yang tiada bapa atau ibu disebabkan kematian, samaada lelaki atau perempuan atau khunsa .

Berdasarkan takrif diatas, kami berpandangan anak zina ini tidak dikategorikan sebagai anak yatim. Menurut pandangan atau fatwa Sheikh Ali Jumah Mufti Mesir, walau bagaimanapun, orang yang memelihara anak zina dengan baik akan mendapat pahala yang sama dengan orang yang memelihara anak yatim. Berpandukan kepada firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 32 :

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya: *Dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.*

Ayat ini mengisyaratkan kepada kita bahawasanya manusia itu mulia di sisi Allah SWT, apatah lagi apabila kita membuat sesuatu kebaikan kepada manusia yang lain. Imam al-Razi dalam tafsirnya telah menyebut bahawa :

“menjaga keselamatan hidup ialah menjaga daripada sebarang kerosakan atau kebinasaan seperti kebakaran, lemas, kebuluran, kedinginan dan panas yang melampau”.

Namun begitu, terdapat sebahagian ulama seperti Abu Zakariyya al Ansoriyy dan Imam al Baijuriyy yang memasukkan anak zina di dalam takrifan anak yatim. Ia setelah diteliti oleh para ulama ternyata takrifan itu bermaksud jika anak zina itu tidak diketahui siapakah ibu bapanya, kerana dia telah dibuang ke tempat-tempat tertentu akibat malu dan sebagainya. Ini kerana jika diihtimal (anggap) ibu atau bapanya telah mati maka bantuan dari baitulmal dapat digunakan bagi membiayai kehidupannya sehingga dewasa (baligh).

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ الْمُنَاقِبِ

Rujukan :

1. al Kafi Fi al Fatawa 1396 & 136
2. Mausuiyyah al Kuwaitiyyah

3. Fathul al Qarib
4. Lisan al Arab 3/467
5. Kamus Dewan
6. Tafsir al-Razi, 6/219